

18/03/1999

Penternak tidak diberi pampasan

M Noh Senan; Zulkofli Jamaludin; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan memberi pampasan kepada penternak babi yang kehilangan pendapatan berikutan keputusan menembak babi yang dijangkiti Japanese Encephalitis (JE).

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memastikan mereka diberi bantuan sewajarnya.

Beliau menjelaskan, Kabinet hari ini bersetuju membelanjakan RM49 juta untuk melaksanakan pelbagai usaha bagi mengurangkan kemungkinan JE merebak.

"Antara tindakan yang diambil ialah mengawal binatang ini daripada keluar dari kawasanya, menembak dan membunuh binatang ini, menyembur ubat nyamuk dan memberi suntikan vaksin kepada binatang dan manusia yang terdedah (kepada penyakit itu).

"Kita akan membelanjakan RM49 juta untuk ini. Mereka yang kehilangan pendapatan kita tidak boleh memberi pampasan, tetapi kita akan tentukan mereka akan diberi bantuan sewajarnya," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini malam ini.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan mempunyai dana untuk tujuan itu dan jumlahnya akan ditambah mengikut keperluan masa.

"Kita juga sudah tubuh pasukan petugas khas yang dipengerusikan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan dianggotai Menteri Pertanian dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta beberapa timbalan menteri," katanya.

Beliau berkata, kerajaan memandang serius perkara itu tetapi berharap ia tidak dipolitikkan.

Katanya, ini kerana ada pihak yang lebih mengutamakan politik, menjadikannya sebagai isu supaya mendapat sokongan daripada menitik beratkan kemalangan yang menimpa rakyat.

Sementara itu di SEREMBAN, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata Kabinet bersetuju anggota polis dan tentera menjalankan operasi menembak babi yang dijangkiti (JE) sebagai langkah segera mengatasi wabak itu.

Menurutnya, sebagai permulaan operasi itu akan diadakan di Bukit Pelandok, dekat Port Dickson yang mana kira-kira 140,000 daripada kira-kira 600,000 ekor babi dijangkiti JE dan ditinggalkan terbiar.

Beliau berkata, babi itu akan dimusnahkan selepas mendapat persetujuan penternak dan jika tidak, ternakan itu akan disuntik dengan vaksin JE secara percuma.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan mesyuarat dengan pegawai kanan kementerian dan melawat pesakit JE di Hospital Seremban, hari ini beliau berkata:

"Keputusan ini dibuat memandangkan gerakan menghapuskan ternakan itu yang sedang dijalankan kini didapati perlahan dan kerajaan perlu mengambil tindakan bagi memastikan wabak itu dapat dibendung di semua kawasan terabit negara ini.

"Semua langkah, termasuk gerakan menghapuskan ternakan itu akan diperhalusi dalam mesyuarat pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan berikutan arahan Kabinet dalam mesyuaratnya hari ini di Kuala Lumpur."

Pasukan itu dianggotai enam kementerian, iaitu Kementerian Kesihatan; Kementerian Pertanian; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Pertahanan; Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian

Penerangan.

Menurutnya, pasukan itu akan mengadakan mesyuarat sulungnya di Kuala Lumpur 30 petang esok dengan merumuskan perakuan bersabit dengan usaha menangani JE sebelum diserahkan ke Kabinet.

Pada paginya, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman yang bertindak sebagai ketua sekretariat pasukan itu akan mengadakan mesyuarat untuk menyiapkan laporan terlebih dulu bersama pakar, ketua setiausaha dan ketua pengarah kementerian terbabit untuk dibentangkan dalam mesyuarat pasukan berkenaan.

Sambil menyatakan implikasi wabak JE dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet itu, Chua berkata kerajaan turut bersimpati kepada penternak dan keluarga terbabit.

(END)